



*Ruj. Tuan* :  
*Ruj. Kami* : APMM.DM10.100-2/1/1 ( )  
*Tarikh* : 2 April 2021

## SIARAN MEDIA

### EMPAT MANGSA BOT KARAM WARGA VIETNAM DISERAHKAN KEPADA WAKIL KEDUTAAN

**PASIR PUTEH, 2 April** – Empat nelayan warga Vietnam yang diselamatkan oleh kapal pelantar Express 93 dan Express 81 sekitar jarak 107.2 hingga 110.5 batu nautika daripada Muara Tok Bali pada 27 dan 28 Mac lalu, diserahkan kepada wakil kedutaan negara Vietnam hari ini.

Penyerahan empat nelayan terbabit iaitu Le Hoang Ee, Nguyen Hau Binh, Le Van Cuong dan Cao Van Quang berusia antara 20 hingga 47 tahun telah dilakukan oleh Pengarah Maritim Negeri Kelantan, Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie bin Yaacob di Ibu Pejabat Maritim Negeri Kelantan, Tok Bali.

Tiga wakil daripada pejabat kedutaan Vietnam yang hadir menerima bagi pihak kerajaan Vietnam ialah Nguyen Hoang Linh, Nguyen Huu Chung dan Nguyen Le Ngoc Anh.

Berdasarkan keterangan daripada tekong, semasa kejadian seramai lima kru termasuk tekong berada di dalam bot. Bot yang dinaiki karam akibat dipukul ombak dan ribut. Empat daripada mereka berjaya diselamatkan manakala seorang lagi masih hilang.

Maritim Negeri Kelantan ingin mengucapkan terima kasih kepada syarikat perkhidmatan perkapalan yang telah membuat aduan, membantu menyelamatkan dan menyerahkan kesemua mangsa kepada Maritim Malaysia. Ini menggambarkan keprihatinan kemanusiaan yang tinggi dalam kalangan pelaut tempatan.

Sebagai tambahan, mayat yang ditemui berhampiran kawasan pelantar semalam tiada kaitan dengan empat mangsa yang ditemui selamat, selepas mereka menafikannya berdasarkan pengecaman yang dilakukan

semalam. Mayat telah diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk proses selanjutnya.

**KEPTEN MARITIM MUHD NUR SYAM ASMAWIE BIN YAACOB  
PENGARAH MARITIM NEGERI KELANTAN**

**TAMAT**

---

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat,  
Seksyen Operasi,  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia  
Maritim Negeri Kelantan,  
Kementerian Dalam Negeri

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Leftenan Madya Maritim Mohd Farez Zawwani bin Yunus  
Pegawai Perhubungan Awam  
Pej: 09 – 7780070  
Fax: 09 – 7780075  
Email: mohdfarez@mmea.gov.com